

10 AUG 1996

AHMAD TAJUDDIN MENGGANTIKAN ANI AROPE, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Bhd, Tan Sri Dr Ani Arope akan digantikan.

Menurutnya, jawatan itu akan diambil alih oleh Datuk Ahmad Tajuddin selepas Dr Ani tamat tempoh perkhidmatannya.

"Sebenarnya, Ani Arope sudah tamat kontrak sebulan lepas. Kita mencari (pengganti) dan mendapati Datuk Ahmad Tajuddin sesuai untuk mengambil alih sebagai Pengerusi Eksekutif," katanya ketika diminta pemberita mengesahkan berita mengenai pertukaran itu, di Kampung Tok Senik, di sini

Terdahulu itu, Dr Mahathir menjadi salah seorang saksi majlis pernikahan Annuar Ibrahim dengan Juliana Alias yang berlangsung di Rumah Tok Dukun, di Kampung Tok Senik, pusat peranginan berkonsep perkampungan Melayu yang dibangunkan Kumpulan Maju.

Perdana Menteri berkata pertukaran itu berkuat kuasa apabila Dr Ani berhenti.

Kontrak Dr Ani tamat bulan lepas tetapi perkhidmatannya disambung selama sebulan lagi.

Mengenai harapannya terhadap pengganti Dr Ani, Dr Mahathir berkata seperti kebiasannya apabila seseorang mengambil alih sesuatu badan, tugas utamanya ialah untuk mempelajari segala-galanya dan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang ada. -- BERNAMA

ZAA MFJ AHH